

UTUSAN MALAYSIA 8 JUN (DALAM NEGERI)

m/s 9

Mini studio Utusan dibuka di UMP

KUANTAN 7 Jun - Penuntut **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** dan komuniti di sekitar Pekan berpeluang merakamkan kenangan indah dengan mengunjungi mini studio Utusan Melayu (M) Berhad yang dibuka khas sempena Majlis Iftar Bersama Tengku Mahkota Pahang Utusan-UMP 2016 di UMP kampus Pekan dekat sini, esok.

Penolong Pengurus Pengerusan Jenama, Utusan Melayu (M) Berhad, Hazura Ahmad Halil berkata, dengan bayaran hanya RM5, pengunjung dapat mengabdikan memori indah menggunakan muka hadapan majalah

atau akhbar terbitan Kumpulan Utusan.

“Pengunjung berpeluang merasai pengalaman bekerjasama dengan jurugambar profesional dan seterusnya dapat melihat hasil kerja mereka.

“Gambar-gambar yang diambil akan dicetak segera dengan kualiti sama seperti di kedai gambar bersaiz A4,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Hazura, sebuah gerai jualan produk Utusan Melayu (M) Berhad seperti buku dan majalah turut dibuka dengan foto-

ngan harga yang cukup menarik.

“Pembeli juga peluang memenangi hadiah cabutan bertuah seperti barangan elektrik dengan pembelian sebanyak RM5 ke atas.

“Saya berharap pengunjung tidak melepaskan peluang keemasan ini dengan berkunjung ke gerai dan mini studio Utusan Melayu (M) Berhad,” jelasnya.

Dalam pada itu katanya, pengunjung turut berpeluang mendapat bubur lambuk percuma yang akan diedarkan oleh Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah kira-kira pukul 5.30 petang.